

Atribut graduan dan ekspetasi industri – perspektif untuk jurutera awam

Oleh: NOOR SYAHIDAH SABRAN

Kebolehpasaran graduan adalah salah satu daripada perkara utama yang perlu ditekan dan diberi perhatian oleh pihak universiti dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan mampu bersaing dalam pasaran terbuka pada masa kini. Graduan yang berkualiti bukan sahaja diukur dari segi ijazah yang dimiliki tetapi juga dari segi kemahiran insaniah (*soft skills*) yang merupakan ciri utama yang diperlukan daripada pihak industri pada masa kini.

Atas faktor tersebut, Profesor Dato' Paduka Dr. Ir. Haji Keizrul Abdullah, dari Lembaga Jurutera Malaysia (IEM) dan juga merupakan Adjunct Profesor Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) telah mengadakan sesi perkongsian ilmu bersama pelajar tahun tiga dan empat program Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (BAA). Turut hadir staf akademik FKASA di mana beliau menekankan ciri-ciri graduan

yang diperlukan dan dikehendaki oleh pihak industri pada masa kini.

Menurut beliau, kebanyakan majikan di Malaysia berpendapat bahawa graduan pada masa kini bijak dalam akademik tetapi kurang berketerampilan dari segi kemahiran insaniah (*soft skills*).

"Kebanyakan graduan yang keluar dari universiti hanya keluar tanpa kemahiran serta tidak mempunyai sikap positif yang diperlukan untuk memasuki alam pekerjaan yang sememangnya berbeza dengan alam pembelajaran.

"Jurutera pada masa kini perlulah relevan dengan kehendak semasa serta mampu untuk berkomunikasi khususnya dalam bahasa Inggeris dengan berkesan, mampu mengurus dan memimpin organisasi serta mempunyai kemahiran berfikir secara inovatif," katanya.

Selain itu, beliau turut menekan bahawa

cabaran yang akan dihadapi oleh jurutera pada masa kini adalah lebih mencabar dan memerlukan semangat juang serta daya saing yang tinggi.

Katanya, Jurutera pada masa hadapan perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, pengurusan, perundangan, politik serta kemahiran kemanusiaan seperti etika dan profesionalisme dan juga mampu untuk menerima perubahan yang berlaku dalam bidang kejuruteraan sama ada dari segi perkembangan ilmu itu sendiri atau perkembangan teknologi dalam bidang tersebut.

Beliau turut menggariskan enam kemahiran dan kompetensi yang perlu ada pada seseorang jurutera yang berketerampilan menurut *Malaysia Engineering Education Model*:



| Bil | Kemahiran & Kompetensi | Ciri-ciri |
|-----|------------------------|---|
| 1 | GLOBAL & STRATEGIK | KEMAHIRANINI MEMBOLEHKAN PELAJAR UNTUK MENYESUAIKAN DIRI DI DALAM DUNIA TANPA SEMPADAN YANG BERKEMBANG PESAT DENGAN ILMU PENGETAHUAN. |
| 2 | INDUSTRI | KEMAHIRANINI ADALAH MELANGKAU SUATU KEMAHIRAN SECARA SAINTIFIK DAN PROFESIONAL YANG DIPERLUKAN UNTUK KEMAJUAN KERJAYA SEORANG GRADUAN |
| 3 | KEMANUSIAAN | KEMAHIRANINI MEMBANTU MEMBENTUK SEORANG JURUTERA YANG SEIMBANG DARI SEGI ETIKA DAN MORAL |
| 4 | PRAKTIKAL | KEMAHIRANINI MENJADIKAN PELAJAR TERLIBAT SECARA LANGSUNG DI DALAM SITUASI SEBENAR YANG MENYEDIAKAN PENYATUAN ASAS DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DAN BUKAN KEJURUTERAAN |
| 5 | PROFESIONAL | KEMAHIRANINI MELIPUTI ASPEK KOMPETENSI TEKNIKAL YANG DIPERLUKAN UNTUK MELAKSANAKAN SESUATU TUGAS KHUSUS DALAM BIDANG KEJURUTERAAN |
| 6 | SAINTIFIK | KEMAHIRANINI MELATIH PELAJAR UNTUK MEMPUNYAI ASAS DALAM SAINS KEJURUTERAAN DAN SETERUSNYA MEMAHIRKAN MEREKA UNTUK MENGADAPATSI PERUBAHAN DI DALAM BIDANG SAINS SERTA DAPAT MENARIK MINAT DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN INOVASI. |